

**PENERAPAN KEMAHIRAN INSANIAH MELALUI
INTERAKSI DAN INTEGRITI (2ICAMP)
MODUL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
TAMADUN ISLAM DAN TAMADUN ASIA (TITAS)
DI UNIVERSITI SUNWAY MALAYSIA**

Yazilmiwati Yaacob¹ & Rozaini Ahmad²

^{1&2}Department of General Studies, Sunway University Malaysia

*Corresponding Author: *yazilmiwati@sunway.edu.my*

Received: 22/11/2018 **Revised:** 22/3/2019 **Accepted:** 20/5/2019 **Published:** 31/12/2019

ABSTRAK

Kebolehpasaran pekerjaan untuk setiap siswazah bukan sahaja diukur melalui kecemerlangan akademik mereka, tetapi juga kekuatan mereka secara fizikal, mental dan emosi. Lulusan universiti harus memiliki tahap kemahiran yang tinggi seperti kemahiran komunikasi, pemikiran dan kemahiran menyelesaikan masalah, kerja berpasukan, kemahiran pembelajaran dan kemahiran pengurusan berterusan, kemahiran kepimpinan, etika dan kemahiran moral, dan kemahiran teknologi. Namun begitu penekanan aspek ini didapati menimbulkan persoalan dan sering dipersoalkan. Kajian ini bertujuan meninjau penerapan kemahiran insaniah melalui program interaksi dan integriti (2ICAMP) sebagai modul pengajaran dan pembelajaran dalam kursus Tamadun Islam dan Asia (TITAS) di Universiti Sunway Malaysia. Kajian adalah penyelidikan kualitatif menggunakan kaedah analisis dokumen iaitu menganalisis data primer dan sekunder seperti buku, jurnal, kertas kerja persidangan, tesis dan laman web untuk menggambarkan konsep kemahiran lembut, Program Interaksi dan Integriti (2ICAMP), pengajaran dan modul pembelajaran kursus Tamadun Islam dan Asia (TITAS), dan latar belakang Universiti Sunway. Berdasarkan analisis deskriptif yang telah dijalankan, terdapat 20 nilai kemahiran insaniah yang telah disenaraikan dalam Program Interaksi dan Integriti (2ICAMP) sebagai kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam kursus TITAS di Sunway University. Program Interaksi dan Integriti (2ICAMP)

merupakan program yang diterapkan oleh pensyarah TITAS kepada pelajar yang mengikuti kursus TITAS di Universiti Sunway bermula dari Januari 2014. Ia adalah program aktiviti luar bilik kuliah bagi kursus TITAS. Melalui program ini, pelajar akan dapat menerokai lebih banyak tentang kewujudan dan keunikan kepelbagaian budaya dan etnik di Malaysia, dapat meningkatkan kerja berpasukan dan toleransi antara lain, dapat menanamkan kemahiran komunikasi dan interaksi yang tepat di kalangan pelajar dari pelbagai kaum dan budaya. Selain itu, Program Campuran 2I juga boleh digunakan sebagai modul alternatif untuk pensyarah yang mengajar kursus ini. Melalui program ini pelajar boleh bergaul dengan pelajar lain yang berbeza agama dan kaum melalui modul kursus tamadun secara sistematik. Ini akan membantu para pensyarah untuk mencapai matlamat pengajaran mengikut garis panduan yang disediakan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan akan dapat membantu pensyarah dalam memberi markah kepada pelajar mereka. Ini memberikan implikasi bahawa kemahiran insaniah melalui Program 2ICAMP memberikan implikasi yang positif dalam membina sahsiah pelajar yang cekap dan baik serta membina graduan yang berkualiti.

Kata kunci: kemahiran insaniah, TITAS, 2ICAMP, Universiti Sunway, institusi pengajian tinggi.

ABSTRACT

Employability market for fresh graduates should not be measured from their academic excellence but also from their physical, mental and emotional strength. Fresh graduates must obtain few vital employability skills such as communication, thinking, problem solving, teamwork, learning, continuous management, leadership, ethics, moral and also technology skills. This study explores the instilling of soft skills in the interaction and integration program (2ICAMP) as a teaching and learning module in the Islamic and Asian Civilization (TITAS) course in Sunway University, Malaysia. It uses qualitative approach through document analysis which are primary and secondary data such as books, journal, proceedings, theses and websites that portray soft skills in the Intergration and Integrity Program (2ICAMP), teaching and learning module for

the Islamic and Asian Civilization (TITAS) course and information on Sunway University. From the descriptive analysis, it is found that there are 20 listed soft skills in the Interaction and Integration Program (21CAMP) that can further be used as the teaching and learning approach for TITAS course in Sunway University. This gives the implication that soft skills through 21CAMP program could give positive impact in building and enhancing the soft skills of quality fresh graduates.

Keywords: *soft skills, TITAS, 21CAMP, Sunway University, higher learning education.*

PENGENALAN

Isu berkaitan pengangguran dalam kalangan siswazah seringkali menjadi topik perbincangan masyarakat hari ini. Salah satu penyebab kepada isu pengangguran adalah kegagalan sistem pendidikan peringkat tinggi negara dalam melahirkan graduan yang memenuhi keperluan industri (Muhamad Hazrul Ismail, 2012). Menurut kajian yang dilakukan oleh Institut Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN), majikan memerlukan pekerja-pekerja yang mempunyai kemahiran komunikasi, memiliki personaliti yang baik, dan berpengetahuan dalam ICT, kebolehan untuk melayan pelanggan dan berpengalaman di dalam melakukan kerja (Institut Pendidikan Tinggi Negara, 2003). Selain itu menurut Hazrul (2012), terdapat lapan ciri kebolehpasaran kerja iaitu komunikasi yang baik dan teratur, boleh membuat keputusan dan menyelesaikan masalah, mempunyai kemahiran dalam teknologi maklumat, kemahiran kepimpinan, boleh bekerja secara berpasukan, mampu melakukan perancangan kerja dengan baik, kemahiran berfikir, mempunyai etika dan nilai serta mempunyai kebolehan lain antaranya membentangkan laporan, berfikir secara analitikal, berfikiran kritis dan inovasi.

Untuk memenuhi kebolehpasaran kerja, institusi pendidikan tinggi memainkan peranan yang amat besar dalam melahirkan graduan yang mempunyai ciri-ciri yang memenuhi keperluan majikan serta boleh memberi sumbangan kepada pembangunan negara. Justeru, dasar pendidikan negara hari ini bukan hanya memfokuskan kepada

kecemerlangan akademik semata-mata tetapi juga menyiapkan pelajar kepada pembinaan modal insan yang berkemahiran, berdaya saing, mempunyai ketahanan mental, jiwa dan emosi dalam menghadapi cabaran global hari ini. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) yang diperkenal menitikberatkan kemahiran insaniah di institusi pendidikan bermula dari peringkat pra sekolah hingga ke peringkat institusi pengajian tinggi demi mempersiapkan pelajar kepada alam pekerjaan dan membolehkan mereka menerajui pembangunan ekonomi dan dunia global pada masa akan datang.

PENYATAAN MASALAH

Generasi hari ini menghadapi cabaran yang amat rumit dan tidak pernah dialami sebelum ini, seperti krisis ekonomi dan pemanasan global. Justeru, graduan perlu didedahkan kepada ilmu dan kepakaran teknikal yang relevan dan sesuai untuk menangani cabaran tersebut, demi meningkatkan daya tahan yang tinggi serta berupaya dalam membuat keputusan yang beretika. Untuk bersedia menghadapi perubahan global yang begitu pantas, sudah pastinya pendidikan yang bersesuaian perlu ditawarkan kepada generasi baru hari ini. Antaranya para pelajar perlu dididik agar mempunyai kekuatan etika dan moral, pegangan hidup dan sarwajagat (pandangan dunia) yang relevan serta mempunyai kemahiran dalam menyelesaikan masalah dan cabaran masa hadapan. Justeru itu, pihak kerajaan amat mementingkan penerapan nilai moral, jati diri kebangsaan, kefahaman terhadap budaya dan ketamadunan, kesedaran diri dan kemahiran berinteraksi sesama manusia. Graduan juga perlu membina sifat murni, rasa tanggungjawab dan semangat cintakan tanah air. Semua ini menjurus kepada penghasilan graduan yang dapat menyumbang secara aktif kepada masyarakat Malaysia dan arena global. Selain itu, graduan juga mestilah mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat agar pengetahuan dan pemikiran sentiasa berkembang. Mereka juga perlu berfikir secara kritis, dan sentiasa terbuka untuk menerima perubahan, idea dan cara baharu untuk bertindak. Mereka juga harus berupaya untuk mengurus kehidupan dan mampu memimpin komuniti (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2015).

Selaras dengan hasrat murni tersebut, kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) telah diperkenalkan oleh Kementerian

Pengajian Tinggi Malaysia kepada seluruh Institusi Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta bertujuan untuk melahirkan graduan yang holistik, menghayati nilai-nilai patriotisme, memiliki integriti dan menguasai kemahiran insaniah ke arah memenuhi kebolehpasaran kerja dan seterusnya mempunyai kemahiran kemandirian (*survival skill*) di dalam menghadapi cabaran hidup. Pelaksanaan kursus TITAS di Institusi Pengajian Tinggi Swasta sebenarnya masih baru iaitu bermula pada bulan Januari tahun 2014. Justeru, kursus ini masih memerlukan kepada kajian dan penelitian untuk memastikan matlamat kursus dapat dicapai sebaik mungkin.

KAJIAN LITERATUR


Bahagian ini akan membincangkan tentang empat konsep utama yang merangkumi konsep kemahiran insaniah (*soft skill*), isu pengajaran dan pembelajaran kursus TITAS, Program Interaksi dan Integriti (*2iCamp*) dan latar belakang Universiti Sunway Malaysia. Selain itu, bahagian ini juga membincangkan tentang teori yang mendasari kajian ini.

Kemahiran Insaniah

Terminalogi kemahiran insaniah adalah berbeza di antara sesebuah negara, walau bagaimanapun matlamat dan cara perlaksanaannya adalah hampir sama. Sebagai contoh kemahiran insaniah di Austerlia dikenali sebagai '*key competencies, soft skills* atau *employable skills*'. Manakala di New Zealand istilah '*essential skills*' digunapakai. Sementara itu, di Amerika Syarikat istilah '*necessary skills, employability skills* atau '*workplace know how*' telah digunakan. Seterusnya bagi United Kingdom, istilah '*key skills* atau *core skills*' digunapakai bagi merujuk kepada kemahiran insaniah ini (Mohd Zaid Mustafa, 2008).

Kemahiran insaniah adalah sebahagian daripada kemahiran generik. Ia merujuk kepada penguasaan pelajar dalam kemahiran yang bersifat bukan akademik dan lebih tertumpu kepada pembangunan diri, keterampilan dan personaliti. Kemahiran ini sangat diperlukan oleh pelajar untuk berjaya dengan cemerlang dalam pelbagai aspek

antaranya pekerjaan dan juga kehidupan (Pua Poh Keong, 2014). Memandangkan kemahiran insaniah ini penting untuk pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) awam mahupun swasta, maka pihak Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia telah mengambil inisiatif dengan mengumpulkan pakar-pakar dalam pelbagai bidang dari universiti-universiti tempatan untuk memikirkan jenis kemahiran insaniah yang perlu dikuasai oleh pelajar IPT dan kaedah yang paling sesuai untuk menerapkan kemahiran ini dalam pengajaran dan pembelajaran di IPT. Daripada inisiatif ini terhasil modul pembangunan kemahiran insaniah (*soft skills*) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia sebagaimana berikut:



Kemahiran Komunikasi

Menurut Pua Poh Keong (2014), kemahiran komunikasi melibatkan komunikasi yang berkesan yang mampu dikuasai oleh pelajar yang medium komunikasinya adalah Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Kemahiran ini termasuklah kebolehan dalam menyampaikan idea yang jelas dan berkesan serta dilakukan dengan penuh yakin samada secara lisan mahupun tulisan. Selain itu, kemahiran komunikasi juga adalah kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar dengan aktif serta memberi maklum balas yang betul dan kebolehan membuat

pembentangan secara jelas dengan penuh keyakinan dan bersesuaian dengan tahap pendengar.

Kemahiran Berfikir dan Menyelesaikan Masalah

Kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah adalah melibatkan cara pelajar memperolehi ilmu dalam kehidupan mereka, iaitu dengan adanya perasaan ingin tahu dan mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat untuk membolehkan mereka menghubungkan pelbagai disiplin ilmu dan mencipta ilmu yang baru (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013). Selain itu, pelajar juga mampu menimbang kesahihan maklumat sebelum membuat keputusan, menimbang alternatif lain dan membuat jangkaan masalah yang berpotensi pada masa akan datang dan bertanggungjawab terhadap tindakan dan keputusan (Muhammad Hazrul Ismail, 2012).

Kemahiran Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat

Salah satu ciri kemahiran pembelajaran berterusan adalah dapat menggunakan pelbagai sumber untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Dalam proses menyiapkan portfolio ini, aktiviti pelajar tidak hanya dalam konteks pembelajaran di bilik darjah. Mereka digalakkan mengakses internet, merujuk bahan di perpustakaan dan melakukan kajian lapangan. Setelah semua maklumat dikumpul, pelajar perlu merumus dan menyusun maklumat dalam bentuk portfolio. Proses ini dikenali sebagai aktiviti pengurusan maklumat. Jadi, pembinaan portfolio ini sebenarnya melatih pelajar mengakses, memilih dan menyusun maklumat supaya kemas dan mudah diakses (Idris Mohd Radzi, 2007).

Kemahiran Kepimpinan

Dalam dunia yang saling berhubung kait ini, kebolehan untuk memimpin dan bekerja dengan orang lain secara berkesan adalah penting. Tidak ada satu kumpulan yang dapat bergerak jika kumpulan itu tidak melantik pemimpin mereka. Dalam proses menyiapkan tugas yang diberikan, setiap kumpulan dimestikan melantik ketua. Setiap ketua akan merancang dan memantau perkembangan kumpulan. Ketua yang baik akan dapat memandu anak buahnya

menjalankan tugas yang diamanahkan dengan sempurna (Idris Mohd Radzi, 2007).

Kemahiran Etika, Moral dan Profesional

Sistem pendidikan merupakan wadah untuk memupuk etika, moral dan profesional dalam kalangan pelajar bagi mendepani cabaran yang akan ditempuhi dalam kehidupan sebenar agar mereka boleh menyelesaikan konflik secara harmoni, bijak membuat pertimbangan, berpegang kepada prinsip ketika berada dalam situasi yang kritikal serta berani melakukan sesuatu yang betul (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013). Penerapan kemahiran etika, moral dan profesional dapat dipraktikkan oleh pelajar dalam sesi pemantauan dan refleksi. Semasa sesi ini pelajar dikehendaki jujur menilai tugas mereka dan tugas rakan mereka. Oleh itu, mereka dilatih untuk memberi komen dan pandangan secara jujur terhadap rakan sekumpulan ataupun kumpulan lain di dalam memperbaiki mutu tugas mereka dan rakan mereka. Sifat untuk sentiasa memperbaiki diri dalam apa jua tugas yang diberikan perlu dipupuk dalam diri pelajar. Justeru, aktiviti luar bilik darjah merupakan aktiviti yang dapat mengasah sikap profesionalisme seseorang pelajar (Idris Mohd Radzi, 2007).

Kemahiran Penggunaan Teknologi

Fenomena hari ini menyaksikan, penggunaan teknologi dan manusia tidak boleh dipisahkan. Oleh itu, sebagai seorang mahasiswa, mereka perlu bijak mencari, menapis dan menulis maklumat yang betul menggunakan internert. Selain itu, untuk menulis dan mempersembahkan maklumat yang dikumpul pelajar juga haruslah mahir menggunakan pemeroses perkataan seperti *Microsoft word*, mahir dalam pemeroses data seperti *Microsoft Excel* dan boleh mempersembahkan maklumat dengan menggunakan audio visual seperti *Power Point* (Muhammad Hazrul Ismail, 2012).

Kemahiran Insaniah yang telah digariskan merupakan elemen penting untuk memenuhi sumber manusia yang berkompeten dalam keperluan global hari ini (Adnan, 2004). Kemahiran ini perlu dilatih ketika pelajar masih berada di Institusi Pengajian Tinggi. Ini adalah

kerana salah satu faktor berlakunya masalah pengganguran di kalangan para graduan IPT adalah disebabkan oleh para pelajar tidak mahu mendalami kemahiran insaniah ketika berada di IPT. Ini kerana mereka menganggap ianya sesuatu yang tidak penting dan mereka belum lagi menempuh alam pekerjaan. Selain itu, mereka tidak mahu mendalami kemahiran insaniah kerana mahu memfokuskan kepada pelajaran sahaja (Ahmad, 2007).

Pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam Dan Tamadun Asia (TITAS)

Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia atau singkatannya di sebut sebagai TITAS merupakan kursus wajib yang perlu diambil oleh pelajar berstatus warganegara Malaysia yang mengikuti kursus Ijazah Sarjana Muda di Institusi Pengajian Tinggi Awam mahupun Swasta di Malaysia. Kursus ini mula diperkenalkan di Intitusi Pengajian Tinggi Swasta pada tahun 2014. Pengajian kursus ini diperkenalkan di peringkat universiti atas kesedaran bahawa para pelajar perlu memahami latar belakang pemikiran, kebudayaan dan sejarah tamadun-tamadun besar yang melingkungi mereka. Pengetahuan ini penting untuk memupuk semangat persefahaman dan sikap saling hormat-menghormati di kalangan rakyat pelbagai agama, kaum dan budaya. Selain itu, dengan mempelajari tamadun juga, para pelajar diharapkan mempunyai pemikiran yang luas dan berpandangan global di samping menghayati nilai-nilai murni sejagat (Osman Bakar, 2014). Selain itu, objektif kursus ini juga adalah untuk memahami tentang isu-isu kontemporari dan penyelesaiannya dari perspektif kepelbagaian Tamadun (Garis Panduan Matapelajaran Pengajian Umum, 2016). Kursus TITAS dimulai dengan pengenalan tentang ilmu ketamadunan diikuti dengan konsep dan latar belakang Tamadun Islam, Tamadun Melayu, Tamadun India dan Tamadun Cina, isu-isu dan cabaran semasa serta penyelesaiannya daripada perspektif kepelbagaian Tamadun. Penerangan mengenai bab yang dipelajari di dalam kursus TITAS adalah sebagaimana berikut:

Pengenalan Ilmu Ketamadunan

Bahagian pengenalan ilmu ketamadunan mengetengahkan pandangan umum tentang istilah-istilah lazim dalam wacana ketamadunan. Ia

bermula dengan definisi tamadun, ciri-ciri tamadun, kepercayaan, agama dan tamadun, hubungan tamadun dengan budaya dan bangsa, kelahiran, perkembangan dan kemerosotan tamadun, persamaan dan perbezaan antara tamadun, interaksi tamadun serta dialog peradaban (Osman Bakar, 2014). Kefahaman ini penting bukan sahaja untuk menjana intelektual para pelajar, malah mampu membentuk hati budi pelajar untuk menghadapi fenomena-fenomena negatif yang banyak menular dalam masyarakat Malaysia hari ini (Faridah Che Husain, 2012).

Tamadun Islam

Bahagian Tamadun Islam akan membincangkan tentang pandangan semesta Tamadun Islam, konsep, sumber dan asas Tamadun Islam, kelahiran, perkembangan dan kemerosotan Tamadun Islam, prinsip, ciri dan keistimewaan Tamadun Islam serta konsep jihad dalam Islam (Osman Bakar, 2014). Kefahaman tentang konsep ini penting untuk memberi pendedahan kepada pelajar khususnya pelajar bukan Islam untuk lebih memahami tentang ajaran Islam supaya tidak timbul salah faham orang bukan Islam terhadap Islam serta menghapuskan Islamofobia di kalangan masyarakat (Mohammad Noah, 2002).

Tamadun Melayu

Tamadun Melayu merupakan teras kepada Tamadun Malaysia. Ia merupakan tamadun kepada kaum Melayu di Malaysia. Tamadun Melayu telah mengalami proses perkembangan yang begitu lama bermula sebelum kedatangan Islam di Tanah Melayu. Justeru, di dalam bahagian ini pelajar akan didedahkan tentang konsep alam Melayu, asas-asas tamadun Melayu, pandangan semesta Tamadun Melayu dan pencapaian Tamadun Melayu dalam pelbagai bidang (Osman Bakar, 2014). Di dalam bahagian ini, pelajar dapat memahami tentang agama Islam yang telah mewarnai Tamadun Melayu serta mempelajari nilai murni yang terdapat dalam ajaran Islam seperti yang telah digariskan di dalam al-Quran dan As-Sunnah. Prinsip nilai yang diterapkan di dalam agama Islam melalui ketamadunan Melayu mampu menyempurnakan akal dan jati diri manusia, seterusnya berjaya membentuk masyarakat Malaysia hidup dalam keadaan aman damai dan harmoni (Abdul Hafiz Tuah, 2012).

Tamadun India

Tamadun India adalah merujuk kepada tamadun yang bermula di Lembah Sungai Indus lebih kurang 3000 tahun sebelum Masihi dan dianggap sebagai tamadun tertua di dunia. Beberapa aspek seperti sosial, budaya, sistem politik dan pemerintah, sains, falsafah, agama, ekonomi serta kesenian terkandung dalam Tamadun India dan ianya bersesuaian dengan keperluan manusia sejagat (Osman Bakar, 2014). Menerusi Tamadun India, pelajar didedahkan tentang budaya universal ke arah melahirkan keadilan dan keamanan dunia. Selain itu, sejarah India juga telah membuktikan bahawa sistem hamba dan usaha menghina individu tidak boleh diterima oleh masyarakat yang bertamadun. Dengan menjaga hak individu, hubungan kaum akan terjalin dengan erat, masyarakat akan hidup dalam harmoni, dan saling bekerjasama antara satu sama lain dan seterusnya akan melahirkan negara yang bertamadun. Pencapaian peradaban seperti kebebasan, kekayaan, kesihatan, keselesaan dan sebagainya berpunca daripada pemeliharaan hak individu seperti yang diajar di dalam tamadun Islam (N. Kanthasamy, 2008).

Tamadun Cina

Tamadun Cina merupakan salah sebuah tamadun tertua di bahagian timur dunia dan berkesinambungan sehingga kini. Sepanjang sejarahnya, tamadun ini pernah dicabar oleh tamadun-tamadun lain tetapi tidak diserap oleh tamadun lain. Walaupun pada awalnya Tamadun Cina agak terlindung dari tamadun dunia yang lain, namun warisan dan sistem nilainya memberi kesan kepada perkembangan Tamadun Cina sehingga kini (Osman Bakar, 2014). Pada bahagian ini, pelajar didedahkan dengan masyarakat dan budaya, kepelbagaian falsafah dan agama Tamadun Cina, Institusi politik dan sistem pemerintahan, sistem keluarga dalam masyarakat cina dan pencapaian dalam peradaban Tamadun Cina. Dari aspek kepercayaan di dalam Tamadun Cina, unsur falsafah lebih menjadi unsur spritual di dalam masyarakat cina berbanding dengan tamadun Islam, Melayu dan juga India yang lebih berpegang kepada unsur kepercayaan kepada Tuhan sebagai pegangan. Di antara falsafah agung yang menjadi pegangan di dalam Tamadun Cina adalah falsafah Konfusianisme, Taoisme, Moisme dan Legalisme (Faridah Che Husain, 2012).

Isu Isu Semasa dan Masa Depan

Bahagian terakhir kursus TITAS lebih menumpukan perhatian kepada isu-isu semasa yang boleh mengancam dan menghakis nilai-nilai murni dalam pelbagai tamadun tradisional. Nilai-nilai toleransi dan persefahaman yang dipelajari dalam bab ini membantu pelajar berfikir secara kritis untuk menerima perbezaan yang wujud di dalam masyarakat hari ini (Faridah Che Husain, 2012). Di antara isu semasa yang dipelajari di bahagian ini adalah berkaitan dengan cabaran globalisasi yang dihadapi oleh masyarakat dunia, antaranya cabaran pengaruh barat terhadap dunia yang meliputi cabaran dalam bidang politik, ekonomi, media dan juga budaya. Selain itu, pelajar juga didedahkan tentang isu-isu yang berkait dengan pertembungan tamadun dan juga dialog peradaban. Pendedahan ini membuka minda pelajar untuk mempersiapkan dan mempertahankan integriti dan jati diri di dalam menghadapi arus perkembangan dan perubahan dunia yang berlaku hari ini.

Berdasarkan kepada perbincangan isi kandungan kursus TITAS di atas, topik-topik yang dibincangkan dalam kursus ini adalah relevan dan seharusnya dipelajari oleh pelajar-pelajar IPT untuk mewujudkan perpaduan dan keharmonian di antara kaum. selain itu, penawaran kursus TITAS adalah selari dengan Falsafah Pendidikan Negara yang menekankan kepada perkembangan potensi individu secara meyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990). Melalui kursus ini pelajar diajar untuk lebih memiliki integriti dan jati diri sebagai bangsa Malaysia, memiliki sikap saling menghormati, menyemai dan memupuk persefahaman di antara kaum, budaya, agama dan kepercayaan. Selain itu, melalui kursus ini juga pelajar diajar untuk membangunkan jiwa dan mental manusia bagi menghasilkan warganegara yang dapat memberikan sumbangan ke arah pembangunan negara secara bersepadu dan kolektif (Faridah Che Husain, 2012).

Walau bagaimanapun tanggungjawab menyampaikan kursus ini adalah sangat besar dan berat kerana kebanyakan pelajar mengambil kursus ini hanya untuk memenuhi syarat wajib lulus sahaja tanpa ada

kesungguhan dan minat yang mendalam untuk memahami kandungan kursus. Selain itu, kekangan yang dihadapi oleh pengajar dan pelajar mengenai kursus ini adalah kaedah penyampaian kuliah yang dilakukan secara konvensional yang berpusatkan kepada pensyarah. Tambahan lagi kadar saiz kelas untuk kursus ini adalah besar iaitu melebihi 100 orang pelajar untuk setiap kelas TITAS (Zarina Muhammad, 2007). Menurut kajian yang dilakukan oleh Abdul Rashid Abdul Halim (2015) terdapat di kalangan pelajar yang menganggap kursus TITAS merupakan kursus yang berlatar belakangkan pengajian Islam dan sejarah. Selain itu, ada segelintir pelajar yang menganggap kursus ini adalah sebagai kursus ulasan kepada subjek-subjek tertentu yang pernah diajar di sekolah. Segelintir mereka menganggap subjek ini adalah subjek yang membosankan dan terdapat juga di kalangan pelajar yang beranggapan kursus ini senang untuk lulus berdasarkan pengalaman pelajar-pelajar lain yang telah mengambil kursus ini. Anggapan demikian menyebabkan pelajar hilang minat, kurang memberi tumpuan atau mengambil kursus TITAS sambil lewa sahaja. Berdasarkan daripada permasalahan tersebut, menjadi tanggungjawab kepada tenaga pengajar TITAS di Universiti Sunway demi menanamkan minat serta kefahaman kepada pelajar tentang kepentingan kursus ini. Justeru, satu kaedah pembelajaran di luar bilik darjah yang dikenali sebagai program interaksi dan integriti (*2iCamp*) telah dibentuk untuk menjadikan kursus ini lebih menarik dan menyeronokkan. Oleh itu pensyarah-pensyarah TITAS telah menggariskan penilaian kursus TITAS di Universiti Sunway adalah sebagaimana berikut:

Jadual 1

Kaedah penilaian kursus TITAS Sunway University Malaysia

Bil	Kandungan Penilaian Kursus	Markah
1.	Kerja Kursus	70%
	Latihan dalam Kumpulan	25%
	Quiz	15%
	Penglibatan dalam 2iCamp	20%
	Laporan program 2iCamp	10%
2.	Peperiksaan Akhir	30%
	Jumlah keseluruhan markah	100%

(Yazilmiwati & Nadzri, 2018)

Latar belakang Program Interaksi dan Integriti (2ICAMP)

Program Interaksi dan Integriti (2ICAMP) dalam pengajaran dan pembelajaran kursus TITAS telah diadakan di Universiti Sunway semenjak kursus ini telah diperkenalkan di Intitusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) pada bulan Januari 2014. Program 2ICAMP merupakan salah satu kerja kursus yang wajib diikuti oleh para pelajar yang mengambil kursus TITAS. Program yang dijalankan selama sehari ini, telah dilaksanakan para pensyarah TITAS di Jabatan Pengajian Umum, Universiti Sunway dengan kerjasama para fasilitator dari MAC Training and Consultancy. Tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk menanamkan sifat positif di kalangan pelajar dengan memfokuskan kepada integriti dan interaksi kaum. Program ini dilihat mampu memberi impak positif dalam usaha menarik minat pelajar yang terdiri dari pelbagai latar belakang kaum dan agama yang mengambil kursus TITAS melalui aktiviti luar bilik darjah (Yazilmiwati, 2014). Jumlah peserta untuk satu sesi program 2iCamp adalah di antara 100 hingga 500 pelajar. Jumlah peserta bergantung kepada bilangan pelajar yang mengambil subjek TITAS bagi semesta tersebut. Modul program yang disusun mampu menguji minda pelajar terhadap sejarah dan kebudayaan Malaysia sekaligus menerapkan semangat patriotisme di kalangan pelajar. Untuk mencapai objektif subjek TITAS, para pensyarah telah menggariskan beberapa objektif seperti berikut:

1. Menguji dan mengasah pengetahuan pelajar tentang kepelbagaian budaya dan Etnik di Malaysia.
2. Memupuk semangat kerjasama dan toleransi yang baik di kalangan pelajar yang terdiri dari pelbagai kaum dan budaya.
3. Menerapkan sikap komunikasi dan interaksi harmoni antara satu sama lain dalam usaha menerapkan jiwa perpaduan agar keharmonian masyarakat Malaysia terus terpelihara.
4. Memahami isu dan cabaran semasa dan penyelesaiannya dari perspektif kepelbagaian tamadun. (Yazilmiwati & Nadzri, 2018)

Untuk mencapai objektif program 2ICAMP, para pensyarah telah menggabungkan aktiviti berbentuk akademik, uji minda, emosi dan juga jasmani di dalam program ini. Berikut adalah sebahagian modul yang telah dilaksanakan untuk program 2ICAMP (Yazilmiwati, 2018):

Ice Breaking

Program *2ICAMP* bermula dengan aktiviti *Ice breaking*. Aktiviti ini merupakan salah satu aktiviti wajib yang dikendalikan oleh para fasilitator bertujuan untuk mengeratkan hubungan dan mewujudkan kemesraan antara pelajar dan ahli kumpulan dan pelajar dengan para fasilitator agar tiada halangan dan kejanggalan untuk membuat aktiviti bersama. Antara aktiviti yang dicadangkan ialah '*This This That That*' iaitu peserta perlu menyebut apa yang disebut oleh fasilitator dengan betul dan tepat. Sebutan awal aktiviti ini adalah secara perlahan, selepas itu sebutannya semakin lama, semakin laju dan pantas. Pada mulanya aktiviti ini dilakukan secara individu, selepas itu ianya dilakukan secara berkumpulan. Aktiviti ini akan menjadikan pelajar semakin lama semakin aktif di dalam mengasah kemahiran komunikasi.

Melengkapkan “Puzzle” Tokoh-Tokoh Negara Malaysia

Di dalam aktiviti ini, pelajar diberikan keratan gambar berkaitan dengan beberapa orang tokoh yang telah memberi sumbangan besar kepada negara. Pelajar perlu melengkapkan kepingan kertas yang diberikan dan membentuk kepingan gambar tersebut menjadi satu gambar yang lengkap. Setelah gambar tersebut lengkap, pelajar perlu memberitahu kepada fasilitator nama tokoh tersebut dan menyenaraikan sumbangan yang diberikan oleh tokoh tersebut kepada negara. Di dalam aktiviti ini pelajar perlu menggunakan kemahiran mencari maklumat dengan menggunakan teknologi, berkerja di dalam satu pasukan untuk menyiapkan kerja dengan cepat dan pantas. Permainan ini menjadikan generasi muda lebih mengenali dan menghargai tokoh yang banyak berjasa kepada negara.

Menyertai Aktiviti Tarian “Mangunatip”

Tarian Mangunatip merupakan sejenis tarian tradisi masyarakat beberapa suku kaum Murut di pedalaman Sabah. Perkataan mangunatip diambil daripada perkataan “atip” yang bermaksud menekan antara dua permukaan (Kamus Dewan, 2000). Penari Tarian Mangunatip memerlukan kemahiran dan ketangkasan yang baik untuk menari melintasi buluh yang dipukul serentak untuk menghasilkan bunyi dan

irama tarian tersebut. Biasanya tarian ini tidak memerlukan iringan muzik. Ini kerana bunyi buluh yang dilagakan akan mengeluarkan bunyi rentak dan irama yang kuat dan menarik. Tarian ini merupakan tarian yang dipersembahkan oleh kaum Murut semasa upacara-upacara yang tertentu antaranya untuk menghormati tetamu. Di dalam program *2iCamp* ini, semua pelajar perlu merasai pengalaman membuat tarian ini. Hal ini memberi peluang kepada pelajar untuk mengenali salah satu budaya kaum Murut di Malaysia.

Menulis Tulisan Jawi

Di dalam aktiviti ini pelajar dikehendaki belajar menulis tulisan jawi. Para pelajar akan diberi satu ayat dalam tulisan rumi, seterusnya mereka perlu menulis ayat tersebut di dalam tulisan jawi. Tulisan jawi merupakan tulisan yang digunakan di masa kegemilangan Tamadun Melayu sehingga kedatangan British ke Tanah Melayu. Pelajar yang mendapat tugas ini boleh merujuk kepada internet untuk mencari bahan. Aktiviti ini menggalakkan pelajar untuk meminati seni khat yang merupakan salah satu kesenian Islam yang pernah wujud di alam Melayu suatu ketika dulu.

Membina Bendera Malaysia

Membina bendera Malaysia merupakan salah satu aktiviti yang diminati oleh pelajar. Walaupun aktiviti ini merupakan salah satu aktiviti yang dianggap mudah dan senang, tetapi sebenarnya telah memberi impak yang besar kepada para pelajar di dalam menanamkan semangat cintakan negara. Bahan-bahan untuk aktiviti ini akan disediakan oleh pihak penganjur dan pelajar boleh membina Bendera Malaysia mengikut kreativiti masing-masing. Di akhir program ini, mereka akan menyanyikan lagu “Warisan” sambil mengibarkan bendera yang telah mereka siapkan semasa program. Semasa proses menyiapkan bendera Malaysia, para pelajar akan duduk di dalam satu kumpulan dan bergaul mesra di kalangan ahli kumpulan sendiri dan juga dengan ahli kumpulan lain.

Persembahan Kebudayaan

Pelajar dikendaki membuat persembahan kebudayaan yang mewakili pelbagai kaum di Malaysia. Di antara persembahan kebudayaan yang

perlu dilakukan oleh pelajar dari kebudayaan Melayu seperti zapin, dikir barat, kuda kepang, ulik mayang dan joget. Manakala dari kebudayaan cina pula adalah seperti tarian kipas, tarian singa dan tarian naga. Seterusnya dari kebudyaan India seperti tarian kathak. Pelajar perlu mencari maklumat dari internet untuk melihat contoh tarian kebudayaan yang telah ditugaskan kepada mereka. Semangat kerja berpasukan sangat dipentingkan di dalam aktiviti ini. Pelajar yang kreatif secara automatiknya akan menjadi ketua persembahan dan akan mengajar ahli kumpulan untuk membuat persembahan.

Kuiz TITAS

Pelajar dikendaki menjawab soalan kuiz yang telah disediakan oleh pihak penganjur dengan menggunakan aplikasi KAHOOT. Kuiz perlu dijawab secara berkumpulan. Soalan kuiz adalah berdasarkan kepada silibus TITAS yang telah diajar di dalam bilik darjah dan juga soalan yang berkaitan dengan pengetahuan am samada tentang Malaysia mahupun global. Setiap ahli kumpulan perlu bekerjasama untuk menjawab soalan kuiz tersebut dan markah akan diberikan kepada jawapan yang betul. Aktiviti ini mengasah minda pelajar untuk lebih mendalami ilmu ketamadunan dan peka kepada isu semasa. Selain itu kemahiran pembelajaran secara berterusan dan pengurusan maklumat boleh diasah di dalam aktiviti ini.

Membina Replika Bangunan Tiga Kaum di Malaysia

Pelajar dikehendaki membina sebuah bangunan yang melambangkan tiga kaum di Malaysia dengan menggunakan bahan-bahan terpakai yang boleh dikutip di sekitar universiti. Bahan-bahan yang digunakan untuk membina menara tersebut antaranya kotak minuman, penyedut minuman, surat khabar dan pita pelekat. Pertukaran idea dan maklumat akan berlaku semasa proses membuat replika dan semasa membentangkan hasil kerja kepada orang lain. Aktiviti ini membantu pelajar di dalam melahirkan daya keintelektualan dan berfikir secara kreatif dan inovatif.

Peragaan Fesyen

Pelajar dikehendaki mereka cipta pakaian tradisional kaum yang terdapat di Malaysia antaranya pakaian kaum Melayu, Cina, India,

Baba Nyonya, kaum Cheti dan juga kaum bumiputera yang terdapat di Sabah dan Sarawak seperti Kaum Murut, Iban, Kadazan, dan juga Bidayuh. Pelajar akan diberikan surat khabar lama dan *masking tape* untuk membuat pakaian tradisional. Pelajar boleh menggunakan teknologi terkini seperti *smartphone* untuk mencari maklumat tentang tugas pakaian yang diperolehi berdasarkan sistem undi. Selepas pakaian siap direka, dua orang model akan dipilih bagi setiap kumpulan untuk memperagakan pakaian tersebut di atas pentas dengan diiringi muzik tradisional. Aktiviti ini memerlukan kepada kerjasama kumpulan serta mengasah bakat dan kreativiti pelajar di dalam menghasilkan pakaian tradisional (Yazilmiwati, 2014).

Teori Yang Mendasari Kajian Ini

Teori pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman yang diperkenalkan oleh Carl Rogres telah dijadikan sandaran utama dalam membincangkan kajian mengenai penilaian kemahiran insaniah terhadap program interaksi dan integriti (*2ICAMP*) dalam pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) di Universiti Sunway Malaysia. Teori ini telah digunakan oleh beberapa orang pengkaji, antaranya Husain Othman (2008), telah mengkaji pelaksanaan pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman bagi meningkatkan kemahiran insaniah pelajar. Berdasarkan tinjauan awal beliau tentang keberkesanan pembelajaran berasaskan pengalaman mendapati, para pelajar telah memberikan komen positif terhadap pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman. Kajian beliau telah menyokong falsafah Pendidikan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang menyebut, *universiti haruslah berusaha untuk menerajui program akademik yang berorientasikan pasaran dan berfokuskan pelajar menerusi pembelajaran melalui pengalaman untuk menghasilkan sumber manusia terlatih dan profesional sebagai pemangkin ke arah kemajuan negara yang mampan*. Menurut beliau lagi, mata pelajaran berasaskan pengajian kemanusiaan adalah subjek yang membosankan dan terdapat sebahagian pelajar yang menganggap subjek-subjek kemanusiaan ini mengganggu tumpuan mereka terhadap subjek teras di fakulti masing-masing. Persepsi ini perlu diperbetulkan segera kerana pada hakikatnya subjek kemanusiaan merupakan subjek untuk memastikan para graduan yang dilahirkan oleh universiti seimbang dan menyeluruh. Bahkan dalam keadaan yang tertentu subjek-subjek berasaskan pengajian kemanusiaan yang ditawarkan

oleh universti adalah lebih utama berbanding dengan subjek teras di fakulti yang dilihat dari segi keperluan membina kemahiran insaniah dan sahsiah pelajar.

Menurut Rogers, pembelajaran berasaskan pengalaman adalah sama dengan aspek perubahan dan perkembangan diri pelajar itu sendiri. Rogers merasakan semua manusia cenderung untuk belajar, oleh itu menjadi peranan seorang guru untuk menyediakan kemudahan kepada seseorang murid yang ingin belajar antaranya menyediakan persekitaran yang positif untuk pembelajaran, memperjelaskan objektif pembelajaran kepada pelajar, menyusun dan membolehkan sumber pembelajaran diperolehi oleh pelajar, mengseimbangkan di antara komponen akal, emosi, rohani dan jasmani dalam pembelajaran dan akhir sekali berkongsi perasaan dan pemikiran dengan pelajar tanpa mendominasi mereka (Rogers, 1994).

Kemahiran Insaniah yang telah digariskan adalah merupakan elemen penting untuk menjadikan proses pembelajaran pelajar lebih bermakna. Ketujuh-tujuh kemahiran Insaniah seperti yang digariskan dalam rajah 1, secara tidak langsung telah diaplikasikan di dalam program *2iCamp* dan kaedah ini membantu meningkatkan keberkesanan pembelajaran pelajar di dalam kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS). Di antara kemahiran insaniah yang dapat dilatih dan dibentuk melalui program *2iCamp* ini antaranya kemahiran komunikasi, kemahiran berfikir dan kemahiran di dalam menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran kepimpinan, kemahiran etika dan moral serta kemahiran penggunaan teknologi maklumat.

METOD

Secara keseluruhannya, kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif, kajian ini menerapkan analisis dokumen sebagai reka bentuk kajian. Bahan kajian daripada sumber skunder seperti buku ilmiah, tesis, artikel jurnal, artikel prosiding dan kertas kerja persidangan dianalisis dan diteliti bagi melengkapkan metodologi kajian. Kajian ini turut meneliti isi dokumen berkenaan serta menilai fakta dan hujah ilmiah yang dikemukakan bagi memastikan keaslian sumber yang

diperolehi (Chua Yan Piaw, 2011). Data yang diperolehi dianalisis secara analisis kandungan bagi mengemukakan konsep kemahiran insaniah, Isu pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) dan program interaksi dan integriti (*2ICAMP*).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Universiti Sunway Malaysia merupakan sebuah universiti swasta yang ditubuhkan oleh Tan Sri Jeffrey Cheah pada 25 Julai 1987 di Petaling Jaya Selangor. Bermula dengan penubuhan kolej pada tahun 1987 dan akhirnya telah diiktiraf sebagai sebuah universiti oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia pada Januari 2011. Universiti Sunway adalah sebuah universiti yang menawarkan program yang memenuhi keperluan industri dan masyarakat moden hari ini. Selain itu, universiti ini telah menjalin kerjasama erat dengan beberapa universiti terkenal di luar negara antaranya Lancaster University UK, Le Cordon Blue International, Harvard, Oxford, Cambridge dan juga beberapa universiti dari Australia dan New Zealand. Manakala kakitangan akademik Sunway adalah gabungan daripada pakar dan penyelidik tempatan dan juga antarabangsa.

Universiti ini telah menawarkan peluang pendidikan dari peringkat sijil, diploma, profesional hinggalah ke peringkat master dan juga PhD. Di antara kursus yang ditawarkan di peringkat sijil adalah sijil perakaunan seperti CAT dan juga CFAB. Selain itu terdapat tujuh program telah ditawarkan di peringkat diploma, 31 program di peringkat Ijazah Sarjana Muda, 8 program di peringkat Master dan 4 program di peringkat PhD. Setakat hari ini bilangan pelajar Universiti ini adalah seramai 26,000 orang dari pelbagai latar budaya, kaum dan agama serta pelajar dari dalam dan luar negara.

Selain itu, Universiti Sunway komited dalam membangunkan teknologi baru bagi menghadapi cabaran dunia hari ini dengan menggalakkan kakitangan akademiknya terlibat secara aktif di dalam dunia penyelidikan samada di peringkat tempatan mahupun global. Pada tahun 2018, Universiti Sunway telah dianugerahkan lima bintang dalam penilaian QS Stars di peringkat universiti-universiti

Asia. Anugerah yang dicapai adalah di dalam bidang pengajaran, kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang disediakan serta anugerah di dalam bidang perkhidmatan cemerlang. Selain itu, universiti ini telah memperolehi tahap cemerlang dalam penilaian SETARA 2017. Kecemerlangan ini diperolehi dari aspek pengajaran, penyelidikan dan juga perkhidmatan. Manakala misi universiti ini adalah untuk melengkapkan pelajar-pelajarnya dengan pengetahuan dan kemahiran yang boleh memenuhi keperluan semasa samada di peringkat tempatan mahupun global. Matlamat pendidikan Universiti Sunway sebagaimana berikut:

- a) Menjadikan pelajar bebas meneroka ilmu dan mempunyai kemahiran di dalam mengadaptasikan pembelajaran secara berterusan serta mampu menggunakan kepakaran semasa untuk membangunkan ekonomi, politik dan juga sosial.
- b) Menjadikan pelajar berdaya saing, cekap dan mampu untuk menyumbang kepada bidang ekonomi, sosial dan kepantasan teknologi.
- c) Membangunkan pelajar dengan kemahiran kepimpinan dan kemahiran komunikasi yang tinggi.
- d) Mempersiapkan pelajar untuk menceburkan diri di dalam bidang kerjaya dan membolehkan mereka memimpin secara prokduktif dan bermakna.
- e) Menanam sikap kepada pelajar untuk menjadi ahli masyarakat yang berintegriti, beretika, bertanggungjawab dan penyayang (<https://www.sunway.edu.my>).

Objektif pendidikan Universiti Sunway adalah selari dengan objektif kemahiran insaniah yang telah digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Manakala program *2ICAMP* sesuai diadakan di Universiti Sunway, memandangkan para pelajar universiti ini terdiri daripada pelbagai latar belakang kaum dan budaya. Selain itu, modul *2ICAMP* mengadaptasikan konsep pengajaran dan pembelajaran berdasarkan pengalaman. Hal ini menarik minat pelajar untuk mengambil kursus TITAS kerana pengajaran dan pembelajaran kursus ini tidak hanya tertumpu di dalam dewan kuliah dan berpusatkan

kepada pensyarah semata-mata. Melalui program *2ICAMP*, pelajar berpengalaman mengenali budaya kaum yang berlainan dengan mereka dan mereka perlu menulis kembali pengalaman yang dilalui dalam bentuk laporan. Oleh itu, program ini menjadikan kerja kursus pelajar tidak hanya memfokuskan kepada teori akademik semata-mata.

Hasil tinjauan literatur yang dilakukan, terdapat 20 penilaian kemahiran insaniah di dalam program *2ICAMP* yang distrukturkan semula oleh para pensyarah kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) supaya selari dengan nilai yang hendak dibentuk ke atas para pelajar Universiti Sunway. Oleh itu, penilaian kemahiran insaniah di dalam program ini adalah sebagaimana yang terdapat di dalam jadual 3 di bawah:

Jadual 3

Nilai kemahiran insaniah di dalam program 2ICAMP Universiti Sunway

Bil	Kemahiran Insaniah	Kategori yang dinilai
1.	Kemahiran berkomunikasi	Bergaul sesama ahli kumpulan dengan positif dan mesra.
		Berbincang dengan baik sesama ahli kumpulan.
		Dapat mengumpulkan maklumat dengan baik hasil dari perbincangan.
2.	Kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah	Memberi idea dan pendapat dengan baik.
		Memahami tugas yang diberikan dengan pantas dan cepat.
		Dapat menyelesaikan modul program dengan pantas dan cepat.
3.	Kemahiran kerja berpasukan	Memberi kerjasama yang konsisten sesama ahli kumpulan.
		Membantu rakan yang lemah di dalam menyelesaikan tugas.
		Berkebolehan menghormati sikap, kelakuan dan kepercayaan orang lain

(sambungan)

Bil	Kemahiran Insaniah	Kategori yang dinilai
4.	Kemahiran Pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat	Bijak menggunakan pelbagai sumber yang ada untuk menyelesaikan modul (contoh: internet, buku dan peralatan lain)
		Melebihi 3 sumber di dalam menyelesaikan modul (bahan recycle, surat khabar, air kotak).
		Menyusun hasil kerja dengan kemas dan teratur.
5.	Kemahiran kepimpinan	Mempunyai ketua kumpulan yang baik.
		Ketua kumpulan memantau perkembangan ahli kumpulan.
		Ketua kumpulan memandu ahlinya menjalankan tugas dengan baik.
6.	Etika Moral dan Profesional	Beradab dan bersopan santun sesama ahli kumpulan dan juga kumpulan lain
		Menghormati para fasilitator yang bertugas dan bertanya dengan baik jika tidak memahami tentang sesuatu perkara.
		Sentiasa menyelesaikan modul program dengan hasil kerja kumpulan sendiri tanpa meniru hasil kerja kumpulan lain.
7.	Kemahiran penggunaan teknologi	Menggunakan teknologi di dalam menyelesaikan modul Program.
		Memuat naik turun modul yang selesai dilakukan di dalam Instagram.

Jadual di atas telah digunapakai oleh para fasilitator di dalam menilai kemahiran insaniah yang terdapat di kalangan pelajar-pelajar Universiti Sunway melalui program *2iCAMP*. Dalam menerapkan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar, para pensyarah telah menstrukturkan markah seperti yang terdapat dalam Jadual 4 di bawah:

Jadual 4

Kategori permakahan untuk program 2iCamp

Kategori	Markah
Cemerlang	16%-20%
Baik	11%-15%

(sambungan)

Kategori	Markah
Sederhana	6%-10%
Lemah	0%-5%
Markah Penuh	20%

Jumlah keseluruhan markah pelajar bagi yang menyertai program *2ICAMP* adalah sebanyak 30 peratus. Dua puluh peratus markah akan diberikan kepada penyertaan pelajar di dalam program ini dan lebih sepuluh peratus lagi adalah berdasarkan kepada laporan untuk program. Sistem permakahan akan diberikan secara berkumpulan. Bagi kumpulan pelajar yang berada di dalam kategori cemerlang iaitu yang mendapat markah 16-20 peratus, kumpulan tersebut perlu memenuhi sekurang-kurangnya 16 nilai kemahiran insaniah yang telah ditetapkan di dalam program ini. Manakala bagi kumpulan pelajar yang berada di dalam kategori baik iaitu yang mendapat markah 11-15 peratus, mereka perlu memenuhi sekurang-kurangnya 15 nilai kemahiran insaniah sebagaimana yang telah digariskan. Seterusnya bagi kumpulan pelajar yang berada di dalam kategori sederhana iaitu yang mendapat markah 6-10 peratus, mereka perlu memenuhi sekurang-kurangnya 6 nilai kemahiran insaniah dan bagi kumpulan pelajar yang berada di dalam kategori lemah iaitu yang mendapat markah 0-5 peratus, mereka hanya perlu mendapat paling tinggi 5 kemahiran insaniah.

KESIMPULAN

Berdasarkan pemerhatian dan juga pengalaman pensyarah di dalam melaksanakan Program Interaksi Dan Integriti (*2ICAMP*) dalam pengajaran & pembelajaran kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) di Universiti Sunway mendapati program ini amat sesuai diterapkan di kalangan para pelajar universiti khususnya bagi universiti yang para pelajarnya terdiri dari pelbagai latar belakang kaum dan juga budaya. Hal ini adalah kerana penilaian kemahiran insaniah yang telah digariskan kepada para pelajar di dalam program ini adalah selari dengan objektif dasar pendidikan negara dan objektif pendidikan Universiti Sunway.

Selain itu, Program *2ICAMP* yang dilaksanakan secara sistematik membolehkan para pelajar mendalami budaya dan cara hidup

kaum dan agama yang berbeza dengan mereka. Seterusnya, pelajar juga lebih mengetahui tentang cabaran semasa yang dihadapi oleh masyarakat Malaysia hari ini. Hal ini menggalakkan pelajar untuk mencari jalan penyelesaian dari perspektif kepelbagaian budaya dan agama. Selain itu, melalui program ini pelajar juga bersemangat untuk saling bekerjasama di dalam menyiapkan modul program di samping menjaga dan memelihara keharmonian kaum dengan menanamkan sikap saling menghormati dan saling berinteraksi dengan baik sesama peserta program.

Nilai-nilai positif yang dipupuk sepanjang program *2ICAMP* berjaya menyatukan tamadun mahasiwa dari latar belakang budaya yang berbeza. Kemahiran insaniah yang dilatih dan dipupuk dari zaman universiti ini bakal menjadi bekalan kepada pelajar selepas mereka menceburkan diri di alam pekerjaan nanti. Ini kerana untuk mendapat tempat di alam pekerjaan hari ini bukan sahaja bergantung kepada kecemerlangan akademik semata-mata, malah kemahiran insaniah juga merupakan faktor utama untuk para graduan menceburkan diri di dalam kerjaya mereka suatu hari nanti. Justeru, pelbagai langkah dan usaha perlu diambil oleh pelbagai pihak bagi memantapkan lagi pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia agar kursus ini bukan sahaja menarik dan seronok untuk dipelajari tetapi juga untuk memenuhi kehendak dan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia di dalam melahirkan insan yang cemerlang dari aspek akademik, spiritual, mental dan juga rohani.

RUJUKAN

- Abdul Hafiz Mat Tuah, Zakaria Stapa & Ahmad Munawar. (2012). Memperkasakan jati diri Melayu-Muslim menerusi Pendidikan Islam dalam Pengajaran Akhlak. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 23-35. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abdul Rashid Abdul Halim @ Jaafar. (2015). Pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam: Satu tinjauan terhadap persepsi pelajar-pelajar jurusan Kejuruteraan Teknologi di University Kuala Lumpur-Malaysian Spanish Institute. *E-Proceeding of the 2nd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization*, (iCASiC2015). 9-10 March 2015. Malaysia: Kuala Lumpur.

- Adnan, N. A. (2004). *Profil kemahiran generik pelajar aliran teknikal di politeknik*. Tesis Master yang tidak diterbitkan. Johor: Kolej Universiti Tun Hussein Onn.
- Ahmad, M. A. (2007). *Kriteria yang diperlukan oleh graduan kejuruteraan awam dalam pasaran industri pembinaan*. Tesis Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Mohd Salleh. (1997). *Pendidikan Islam: Falsafah, pedagogi dan metodologi*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah penyelidikan (Edisi Kedua)*. Shah Alam: Mc Graw Hill Education (M) Sdn Bhd.
- Faridah Che Husain & Fakhuruladabi Abdul Kadir. (2012). Contribution of the Islamic and Asia Civilization (TITAS) towards holistic formation of students in public higher learning institutions Malaysia. *Journal Al-Tamaddun*, 7(1), 15-35.
- Hussain Othman & Berhannudin Mohd Salleh. (2008). Pelaksanaan pendekatan pembejaran berasaskan pengalaman (PBL dan POPBL) bagi meningkatkan kemahiran insaniah pelajar. *Prosiding SKIKS 08, 1*, 187–201. Retrieved from <http://eprint.uthm.edu.my>
- Idris Mohd Radzi. (2007). Memperkasakan kemahiran insaniah melalui portfolio berstruktur. monograf pembangunan modal insan. *Koleksi eksklusif kertas kerja persidangan pengajaran dan pembelajaran di peringkat pengajian tinggi*.
- Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN). (2003). *Laporan akhir kajian masalah pengangguran di kalangan siswazah*. USM: Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara.
- Kamus Dewan 3rd Edition. (2000). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (2016). *Garis panduan matapelajaran Pengajian Umum*. Edisi Kedua (2016). Putrajaya: Jabatan Pendidikan Tinggi.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006). *Modul pembangunan kemahiran insaniah (soft skills) untuk institusi pengajian tinggi Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Ringkasan pelan pembangunan pendidikan Malaysia (2013-2025), pendidikan*

- pra sekolah hingga lepas menengah*. <http://moe.gov.my/images/dasar-kpm/PPP/Preliminary-Blueprint-BM.pdf>.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2015). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia (2015-2025), Pendidikan Tinggi*. <http://www.mohe.gov.my/pppm-pt>.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1990). *Pukul latihan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Noh Zulkifli. (2002). *Pandangan pelajar terhadap kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) di IPTA: Satu kajian kes di Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah Darul Aman*. Tesis Master yang tidak diterbitkan. University Malaya: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam.
- Mohamad Zaid Mustafa, Nordiana Mohd Nor, Khairol Mohd Salleh
Mohamad Zaid Mustafa, Nordiana Mohd Nor, Khairol Mohd Salleh, Ahmad Rizal Madar, Badaruddin Ibrahim, Norlisa Sulaiman, & Abdul Rashid Razzaq. (2008). Pelaksanaan modul soft skills di politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. *Prosiding SKIKS 08, 1*, 187–201. Retrieved from <http://eprint.uthm.edu.my>.
- Muhamad Hazrul Ismail. (2012). Kajian mengenai kebolehpasaran siswazah di malaysia: Tinjauan dari perspektif majikan. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VII, 2*. 906-903. 4-6 Jun Ipoh: Perak.
- N. Kanthasamy. (2008). Strategi membangunkan peradaban Malaysia: Perspektif nilai-nilai spritual pelbagai tamadun. *Jurnal Peradaban*, 1, 67-73.
- Norharidawati Rani. (2001). *Pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS 1). Satu tinjauan terhadap persepsi pelajar-pelajar bukan Islam Tahun 3 Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Skudai*. Tesis Master. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Norlelawati Ariffin. (2015). Kemahiran insaniah dan aktiviti kurikulum di sekolah menengah dan universiti awam. *Paper Proceeding International Language and Education Conference (iLEC 2015)*. Negeri Sembilan: Seremban.
- Osman Bakar, Azizan Baharuddin & Zaid Ahmad .(2014). *Modul pengajian Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Pua Poh Keong. (2014). *Tahap kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar kejuruteraan tahun akhir di politeknik KPM*. Tesis Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Rogers, C. R. & Freiberg, H. J. (1994). *Freedom to learn* (3rd Ed). Columbus, OH: Merrill/ Macmillan.
- Yazilmiwati Yaacob & Mohamed Nadzri Mohamed Sharif. (2014). Tinjauan terhadap pelaksanaan program interaksi dan integriti (2iCamp) sebagai salah satu modul pengajaran dan pembelajaran subjek Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS). *Prosiding Seminar Tamadun Islam & Tamadun Asia dan Hubungan Etnik (SeTH)*. Nilai: University Sains Islam Malaysia.
- Yazilmiwati Yaacob & Malissa Maria Mahmud. (2018). Implementation of 2i camp program in TITAS as multi-cultural teaching and learning module in higher learning institute: A case study in Sunway University. *Paper Proceeding International Conference on New Horizons (INTE)*. Paris: Novotel Hotel.
- Zakaria, K. (2004). Pendidikan teknik dan vokasional: Sejauhmana memenuhi keperluan pasaran buruh negara. *Paper proceeding Seminar Pemampatan PTV*. 30 Disember 2004. Johor: UTHM
- Zarina Muhammad. (2007). Pelaksanaan kaedah student-centred learning (SCL) dalam pengajaran & pembelajaran kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia & Kenegaraan Malaysia di Universiti Putra Malaysia. *Jurnal Pengajian Umum*, 8. Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan. Universiti Putra Malaysia: Fakulti Ekologi Manusia.